

## KENAPA UMAT ISLAM TERKEBELAKANG DI SAAT BANGSA LAIN MELANGKAH MAJU: ULASAN LITERATUR BAHAGIAN 2

Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin

### ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan mengenai kajian mengapa umat Islam semakin mundur tetapi bangsa lain semakin maju ke hadapan bahagian ke-2. Pada bahagian 1, kajian ini telah meneliti tiga (3) orang pemikir sekular (i) Ali Ahmad Sa'id penyair dari Syria (ii) Abdelwahab Meddeb seorang pemikir dari Tunisia (iii) Sadik Jalal al-'Azam ahli falsafah dari Syria. Hasil kajian mendapati bahawa mereka berpendapat kemerosotan umat Islam pada hari ini adalah disebabkan (i) umat Islam telah hilang daya kreatif untuk mengubah dan beradaptasi dengan dunia (ii) ketamadunan yang sudah mati (iii) pemikir Islam sekarang ini tidak berminat untuk berurusan dengan pertanyaan-pertanyaan sains moden tetapi mereka lebih tertarik membicarakan mengenai persoalan keruntuhan moral. Pada bahagian ke-2 pula, kajian ini memilih Tun. Dr Mahathir Mohamad (TDM) sebagai tokoh yang dikaji. Pemilihan TDM adalah berdasarkan TDM banyak mengupas berkaitan tajuk ini. Kupasan yang dibuat oleh TDM dalam bentuk ucapan, penulisan di media cetak dan media sosial, mengadakan forum, muzakarah pakar, diskusi, konferen dan dialog. TDM mendapati kelemahan umat Islam pada hari ini adalah disebabkan salah tafsir mengenai Islam. Menurut TDM, Islam adalah agama rasional, agama keamanan dan fleksibel, agama yang sederhana dan bertoleransi. Oleh itu Islam mesti difahami secara rasional, kritikal dan ditafsirkan semula berpandukan kepada al-Quran dan hadis dengan berteraskan reason, argument dan logik.

Kata kunci: : Tun Dr Mahathir Mohamad, pemikiran, sains, kemajuan, mundur

### PENGENALAN

Pada zaman kegemilangan, umat Islam sangat berusaha dan produktif. Mereka telah membuat berbagai-bagai penemuan dan penerokaan baharu dalam pelbagai bidang sains dan budaya yang akhirnya penemuan mereka tersebar ke seluruh dunia dan seterusnya dimajukan serta ditambah baik. Tamadun Islam memerintah dunia hampir 900 tahun. Namun, sejarah perjalanan kegemilangan ini berakhir bukan kerana penjajahan atau faktor luaran tetapi disebabkan oleh sikap umat Islam itu sendiri apabila terdapat golongan yang memberi tafsiran Islam itu mengikut kepentingan mereka.

Memandangkan satu pertiga daripada penduduk dunia adalah orang Islam dan mereka mendiami kawasan yang kurang maju di dunia pada masa ini. Ini menunjukkan betapa orang Islam bergantung kepada orang lain untuk kesejahteraan mereka. Imej orang Islam pada hari ini berbeza jika dibandingkan dengan zaman kegemilangan Islam sangat menyedihkan. Hal ini amat berbeza dengan apa yang dijanjikan oleh Islam dan apa yang diharapkan tetapi kita sendiri yang menjadikannya begitu. Pada hari ini orang Islam hanya berbangga dengan peninggalan zaman kegemilangan Islam pada zaman kemuncaknya. Kertas kerja ini cuba mengupas pemikiran TDM bahawa umat Islam akan maju sekiranya Islam itu diberikan tafsiran. yang sebenarnya dari sumber yang berdasarkan al-Qur'an dan hadith sahih.

### Tun Dr. Mahathir (TDM), Riwayat Hidup, Pendidikan, Perjalanan Politik dan Keluarga.

Tun Dr. Mahathir (TDM) dilahirkan pada 10 Julai 1925 tetapi tarikh kelahiran rasmi direkodkan pada 20 Disember 1925 di No. 18 Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah iaitu satu kawasan yang diakui oleh TDM sebagai kawasan miskin. Ibu bapa TDM ialah Mohamad Iskandar dan Wan Tepawan binti Wan Hanafi.

TDM merupakan anak bongsu dari sembilan orang adik beradik dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak selama dua tahun sebelum memasuki sekolah Inggeris kerajaan (*Government English School*) yang kemudian bertukar nama kepada Kolej Sultan Abdul Hamid pada tahun 1932. Sebagai pelajar, TDM aktif berdebat dan dikenali dengan kemahiran bahasa Inggerisnya. TDM dilantik sebagai editor majalah sekolah dan bermain untuk pasukan ragbi sekolah. Walau bagaimanapun, pendidikannya terganggu apabila Jepun melancarkan serangan ke atas Asia Tenggara melalui Thailand, Pulau Pinang dan Kelantan pada 8 Disember 1941 iaitu sehari selepas TDM menduduki Peperiksaan *Junior Cambridge*.

Semasa zaman Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, TDM menghadiri sekolah Jepun untuk beberapa bulan sahaja dan kemudiannya berhenti untuk menjual makanan di Pekan Rabu untuk membantu keluarganya. Selepas tamat Perang Dunia II, TDM menyambung kembali pengajiannya di sekolah yang sama pada tahun 1945 sehingga peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pada dasarnya TDM ingin menyambung pelajaran di dalam bidang undang-undang namun kerajaan waktu itu hanya menawarkan biasiswa di dalam bidang perubatan berdasarkan keperluan ketika itu. TDM seterusnya menuntut di Kolej Perubatan *King Edward VII*, Universiti Malaya, Singapura dan dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) pada tahun 1953. Ketika di universiti, TDM aktif menulis untuk akhbar *The Sunday Times* (kini dikenali *The Straits Times*) di bawah nama penanya, C.H.E Det (Det adalah nama keluarga beliau). Penulisannya menyelami masalah-masalah orang Melayu. Selepas mendapat ijazah TDM menjadi doktor pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang.

Pada tahun 1954, TDM mula berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Alor Setar, Jitra, Langkawi dan Perlis pada tahun 1957. TDM kemudiannya melangsungkan perkahwinan dengan Dr. Siti Hasmah pada tahun 1956. Pada tahun 1957, TDM berhenti daripada perkhidmatan kerajaan dan membuka kliniknya sendiri bernama MAHA Klinik di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar, Kedah. TDM merupakan anak Melayu pertama yang membuka klinik sendiri. Klinik ini kemudiannya berpindah ke 1586, Jalan Sultan Badlishah, 05000 Alor Setar dan kekal hingga sekarang.

Pendudukan Jepun telah menanam kecurigaan orang Melayu terhadap kerajaan British kerana mereka gagal melindungi Tanah Melayu dan Raja-Raja. Selepas peperangan berakhir, TDM dan rakan-rakannya menentang penubuhan *Malayan Union* (MU). Beliau menulis surat kepada akhbar-akhbar dan menjalankan kempen kesedaran mengenai ancaman MU ke atas hak orang Melayu melalui poster yang ditampal di merata tempat. Pada Mei 1946, *United Malaysian National Organisation* (UMNO) ditubuhkan untuk mendesak kerajaan British menghapuskan MU. TDM antara orang Melayu pertama mendaftar sebagai ahli dan kempen menentang MU akhirnya berjaya dan MU telah dihapuskan pada 1948 dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengakui hak-hak istimewa orang Melayu.

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ketiga pada tahun 1964, TDM dipilih sebagai Ahli Parlimen Kota Setar selepas menewaskan calon Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan majoriti undi sebanyak 60.2%. TDM telah dilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1965. Dalam pilihanraya 1969 pula, TDM telah ditewaskan oleh calon PAS, Haji Yusoff Rawa dengan majoriti 989 undi. Pada pilihan raya ini, perarakan pihak pembangkang di Kuala Lumpur untuk meraikan kemenangan mereka telah membawa kepada rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 di antara orang Cina dan orang Melayu yang menyebabkan hampir 200 orang mati. Berikutan rusuhan kaum 13 Mei 1969, TDM menulis satu surat yang mengkritik cara pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, TDM mengkritik beliau kerana pendekatan ekonominya yang lembut atau 'laissez-faire' didakwa menyetepikan orang Melayu daripada menikmati hasil pembangunan negara disebabkan dominasi kaum Cina.

Oleh kerana surat itu, beliau dipecat daripada UMNO. Semasa dalam buangan politik UMNO, TDM meneruskan amalan perubatan di kliniknya dan mengarang buku *Dilema Melayu*. Buku yang membicarakan pemikirannya mengenai nasib orang Melayu di tanah air sendiri. Buku ini diterbitkan di Singapura dan dilarang masuk oleh kerajaan ke Tanah Melayu pada tahun 1970 dan pengharamannya hanya ditarik selepas TDM menjadi Perdana Menteri 18 tahun kemudiannya. Tunku Abdul Rahman meletak jawatan sebagai Perdana Menteri pada September 1970 dan Tun Abdul Razak mengambil alih.

Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, TDM telah dijemput oleh Tun Razak untuk menyertai UMNO semula pada 7 Mac 1982 dan dilantik sebagai senator pada tahun 1973. TDM bertanding di Kubang Pasu pada tahun 1974 dan menang tanpa bertanding. Selepas pilihan raya TDM dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam kabinet Tun Abdul Razak. Pada tahun 1976, Tun Abdul Razak telah meninggal dunia secara mengejut dan digantikan oleh Tun Hussein Onn yang kemudiannya melantik TDM sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dua tahun selepas itu TDM dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian di mana beliau memimpin beberapa misi mempromosi pelaburan.

Pada 1981, setelah Tun Hussein Onn mengumumkan persaraannya dan menamakan TDM sebagai penggantinya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1981. Di bawah kepemimpinannya, Malaysia berubah dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian moden. Di samping membangunkan negara TDM telah menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara dan ini merupakan yang pertama di lakukan oleh pemerintah sesebuah negara yang berbilang kaum.

## Penyataan masalah

Jika umat Islam telah diajar dengan segala ajaran yang baik-baik seperti mana yang terkandung di dalam al-Quran dan juga Allah SWT telah mengutus Nabi-nabi untuk memberikan petunjuk kepada jalan yang benar supaya umat Islam berjaya di dunia dan akhirat tetapi mengapa umat Islam menjadi yang paling lemah, tidak produktif di dunia pada hari ini. Beberapa persoalan yang mungkin timbul ialah mengapa umat Islam mempunyai tahap buta huruf yang tertinggi di dunia walaupun kita diarahkan untuk membaca (Iqra')<sup>1</sup>. Mengapa umat Islam mempunyai tahap pengangguran tertinggi di dunia walaupun kita di suruh bekerja mencari rezeki yang halal. Mengapa umat Islam mempunyai jumlah pemenang Anugerah Nobel<sup>2</sup> yang paling sedikit sedangkan umat Islam disuruh berfikir segala yang ada di langit dan di bumi sebagai tanda kekuasaan Allah.

Islam dan umat Islam pernah melalui zaman kegemilangan yang panjang di mana Islam dihormati dan dipandang tinggi. Mereka telah mara dari Semenanjung Arab ke Utara, Timur dan Barat. Dalam jangka masa yang pendek mereka telah berjaya mengembangkan Islam dari Sepanyol di Barat hingga ke negeri China di Timur.

Namun, satu per satu wilayah-wilayah Islam ini jatuh ke tangan bangsa Eropah. Sepanyol direbut balik oleh bangsa Sepanyol dan Eropah Timur oleh bangsa-bangsa di situ. Di Asia Tengah negara-negara Islam yang diduduki oleh suku-kaum Turki dan Parsi telah jatuh ke tangan Russia. Akhirnya semua wilayah Islam ditakluki oleh kuasa Barat. Hanya yang tinggal ialah Turki dan padang pasir yang mengelilingi Mekah dan Madinah.

Soalan yang perlu ditanya ialah kenapakah sebuah empayar yang begitu besar dan kuat akhirnya menjadi lemah dan ditakluki oleh orang lain? Apakah bezanya di antara orang Islam dalam abad-abad selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w. yang begitu berjaya mengembangkan wilayah dan ajaran Islam serta menguasai berbagai-bagai ilmu dunia dengan orang Islam yang datang kemudian yang tidak dapat mempertahankan wilayah-wilayah yang mereka warisi, kurang berilmu dan lemah dalam serba-serbi.

<sup>1</sup> Kajian Central Connecticut State University, Amerika Syarikat mengenai negara paling celik huruf di dunia pada tahun 2016, Malaysia berada di kedudukan ke-53 berbanding Singapura di tempat ke-36 manakala negara Nordic (Finland, Norway, Iceland, Denmark dan Sweden) sebagai negara paling celik huruf di dunia. (<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1858122>). Menurut Yayasan Literasi Dunia, buta huruf menyebabkan kos bernilai lebih AS\$1 trilion (RM3.2 trilion) setahun kepada ekonomi dunia. (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/10/14205/najib-ajak-negara-islam-kongsi-usaha-tangani-jurang-pendidikan>).

<sup>2</sup> Sehingga tahun 1901 hingga 2015, hanya dua belas orang penerima hadiah Nobel adalah daripada orang Islam iaitu 1.4% daripada hadiah Nobel. Tujuh adalah hadiah Nobel Keamanan dan Ahmaed Zewail (1999) hadiah Nobel Kimia, Aziz Sancar (2015) dari Turki penerima Hadiah Nobel Kimia, Naquib Mahfouz (1988) dari Mesir penerima Hadiah Nobel Sastra, Orhan Pamuk (2006) dari Turki penerima Hadiah Nobel Sastra, Anwar al-Sadat (1978) dari Mesir penerima Hadiah Nobel Keamanan, Yaser Arafat (1994) dari Palestin penerima Hadiah Nobel Keamanan, Shirin Ebadi (2003) dari Iran penerima Hadiah Nobel Keamanan, Mohamed El Baradei (2005) dari Mesir penerima Hadiah Nobel Keamanan, Muhammad Yunus (2006) dari Bangladesh pemenang hadiah Nobel Keamanan, Tawakel Karman (2011) dari Yaman pemenang Hadiah Nobel Keamanan, Malala Yousafzai dari Pakistan pemenang Hadiah Nobel Keamanan dan Mohammad Abdus Salam (1976) dari Pakistan pemenang Hadiah Nobel Fizik.

Orang bukan Islam pula berpendapat bahawa Islam adalah agama yang dikait rapat dengan kemunduran, kemiskinan dan kelemahan serta keganasan dan pemikiran yang tidak berprinsip.

Menurut TDM, penganut-penganut agama Islam dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan abad-abad yang berikut memiliki semangat keislaman yang tulen. Di samping itu ajaran baginda masih terang dan jelas. Tidak ada kekeliruan di kalangan mereka tentang ajaran Islam kerana belum ada pentafsir-pentafsir yang berpolemik tentang hukum-hakam Islam dan lain-lain ajaran Islam. Namun, apa yang diutarakan oleh TDM ini telah mendapat kecaman hebat

### Perbincangan

TDM telah dipilih untuk dikaji kerana jasa yang telah beliau lakukan semasa hidup yang berjuang dengan gigih, menerima berbagai-bagai ujian, masalah dan kecaman yang datang dari musuh-musuh beliau di media sosial hampir setiap hari.

Ada kalanya TDM digambarkan sebagai pengkhianat, firaun, diktator, kronisme, kafir dan berbagai kejian dan makian yang dilontarkan namun TDM tentang menerimanya. Kecaman demi kecaman yang dilontarkan seolah-olah tidak ada satu pun kebaikan yang pernah dibuat oleh TDM. Amat menyedihkan apabila TDM tidak dianggap sebagai pemikir Islam hanya kerana beliau tidak memakai serban, berjanggut dan berjubah sebagaimana yang diharapkan oleh sesetengah orang Islam bahawa ukuran Islam mesti dilihat berdasarkan keterampilan memakai serban atau memakai kopiah putih.

Penelitian yang saksama tentang pemikiran TDM berkenaan Islam merupakan kajian yang sangat menarik kerana tidak banyak pemimpin dunia yang mampu mencetuskan ideologi dan merealisasikan agenda Islam dalam pemerintahan Negara. Walau apa pun pandangan mengenai TDM, generasi akan datang akan merujuk kepada tulisan mengenai sejarah tokoh dan kejayaan atau kegagalan seseorang. Permasalahan yang dihadapi tidak dapat dinilai pada masa itu tetapi hanya boleh dilihat oleh generasi akan datang.

Orang Islam masa kini dalam satu negara tidak lagi bersaudara mereka bermusuhan sesama sendiri. Bila mereka tidak bersetuju dari segi politik, maka amalan agama tidak dipedulikan walaupun jelas amalan itu salah. Apabila sudah bermusuhan semuanya tidak Islami dan kononnya menentang ajaran Islam. Hasil daripada sikap permusuhan inilah kafir-mengkafir teretus lebih banyak di kalangan umat Islam sendiri jika dibandingkan dengan bukan Islam.

TDM adalah Perdana menteri pertama di dunia yang memperkenalkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan kerajaan. Pada peringkat awalnya ia mencetus kebimbangan di kalangan negara-negara Barat yang menganggap Malaysia menuju ke arah sebuah negara Islam tetapi lama kelamaan negara Barat sedar bahawa dasar itu sebenarnya lebih menjurus ke arah mengawal gerakan ekstrim agama di Malaysia<sup>3</sup>. TDM sentiasa lantang dalam menyuarakan pandangannya yang berkaitan umat Islam di seluruh dunia. Menurut TDM, umat Islam tidak boleh membuat salah tafsir terhadap Islam sehingga menjadi penghalang utama bagi hubungan baik dengan penganut agama-agama yang lain. Dalam ucapan beliau yang berjudul "Islam: Agama yang disalah fahami, TDM menekankan kekeliruan orang Islam terhadap Islam yang *orthodox*. TDM menjelaskan

"hakikatnya ialah kita orang Islam sudah tidak berpegang teguh lagi kepada ajaran Islam yang sebenar. Hari ini orang Islam kuat bermusuhan sesama sendiri daripada bermusuhan dengan orang bukan Islam yang akhirnya merugikan negara<sup>4</sup>

Sikap TDM terhadap Islam amat berlainan sekali dengan pemimpin yang sebelum itu. TDM mempengaruhi pandangan alam keagamaan orang Melayu. Pemimpin sebelum itu Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mengambil pendekatan menyendiri iaitu agama Islam yang diamalkan secara sendiri-sendiri dan tidak diterapkan di dalam sistem pentadbiran negara dan di kalangan rakyat Malaysia. Mereka mengambil sikap tidak masuk campur mengenai agama Islam. Ketiga-tiga pemimpin sebelum ini mengekalkan dikotomi urusan negara dan urusan agama adalah terpisah.

TDM terkenal sebagai orang yang boleh menguasai apa yang beliau kehendaki. Islam berada dalam senarai yang beliau harus kuasai kerana Islam merupakan subjek yang penting dan mengakar dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, untuk merubah orang Melayu penguasaan tentang Islam amat diperlukan dengan terlebih dahulu sebelum merubah persepsi dalam bentuk Islam yang dihayati.

Dalam setiap Perhimpunan Agung UMNO, TDM akan menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam dan agama Islam. TDM akan menjelaskan dasar-dasar kerajaan mengenai Islam seperti penerapan nilai-nilai Islam. TDM mengakui bahawa kebangkitan Islam sejak 1970an hingga sekarang memberi impak terhadap ekonomi dan politik tanah air<sup>5</sup>.

Pada perhimpunan Agung UMNO ini TDM telah mengumumkan tiga projek besar iaitu penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan Islam dunia di mana pakar-pakar Islam dari luar negara ditawarkan untuk berkhidmat di Malaysia dan menerima pelajar dari seluruh dunia. Kesemua subjek yang ditawarkan di UIAM adalah dari perspektif Islam yang mana bahasa Arab dan Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kedua, penubuhan Bank Islam yang merupakan sebuah mercu tanda bagi sistem kewangan Islam yang diterajui oleh Malaysia. Dengan sistem kewangan Islam ini TDM berharap agar umat Islam mampu menguasai ekonomi yang bukan hanya memperlihatkan keuntungan dunia sahaja tetapi selaras dengan ajaran Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Sistem kewangan Islam ini dapat menghindar sistem riba yang dilarang oleh agama Islam. Ketiga ialah memperkenalkan subjek tamadun Islam di universiti-universiti tempatan. Ini adalah bertujuan untuk mendedahkan pelajar untuk mempelajari sumbangan dan penemuan-penemuan umat Islam terdahulu di era kegemilangan Islam. Ketiga-tiga faktor ini adalah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh TDM ke arah mengangkat martabat umat Islam. Ini merupakan batu asas yang telah dilakukan oleh TDM ke arah dunia Islam dan apa yang diharapkan ialah pemimpin-pemimpin selepas ini dapat meneruskan legasi ini dengan memperbaiki kekurangan-kekurangan yang ada.

<sup>3</sup> S. Hashim Ahmad, Mahathir, Pencetus Tamadun Insaniah, Juz'Art

<sup>4</sup> S. Ibid., 89.

<sup>5</sup> Mahathir Mohamad. 1992. "Ucapan dalam Perhimpunan gung UMNO ke-33 pada 30 September 1982".

TDM juga telah memperkenalkan dasar Islamisasi atau Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. namun, masyarakat bukan Islam melihat dasar penerapan nilai-nilai Islam ini sebagai bertentangan dengan Perlembagaan yang menganggap Malaysia sebagai sebuah negara sekular.

Menurut Hng Hung Yong

"Apabila TDM memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981, beliau telah mengumumkan agenda "Pengislaman" untuk dilaksanakan bermula dengan pengisytiharan mengislamkan perkhidmatan awam Malaysia. TDM juga menyatakan bahawa sistem perundangan Malaysia akan disejajarkan agar mencerminkan prinsip Islam dan diikuti dengan usaha menatar pentadbiran dan pengawalan kegiatan agama melalui Pusat Islam. TDM juga berusaha meningkatkan keupayaan institusi Islam dengan menubuhkan Yayasan Dakwah, Yayasan Ekonomi Islam dan Bank Islam. Langkah ini kemudiannya diperluaskan dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1983 dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada tahun 1992.<sup>6</sup>

Menurut beliau lagi, langkah pengislaman yang dilakukan oleh TDM telah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan orang bukan Islam<sup>7</sup>. Namun, menurut TDM penerapan nilai-nilai Islam tidak bertentangan dengan dasar Perlembagaan Negara. Menurut TDM lagi, semua ini akan dibuat tanpa menjejaskan kedudukan agama-agama yang lain yang dilindungi oleh Perlembagaan.

Dari pernyataan ini, TDM menangkis dengan keras hujah golongan yang mengatakan bahawa Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam sebagai dasar untuk memaksa orang bukan Islam memeluk Islam dan menolak unsur-unsur ekstrem yang diamalkan oleh sebahagian daripada orang-orang Islam. TDM menjelaskan bahawa nilai-nilai murni adalah nilai-nilai sejagat seperti kebersihan, kejujuran, amanah, kebahagiaan yang terdapat di semua agama. Menurut TDM lagi, usaha ini adalah penting sebagai langkah permulaan untuk umat Islam menjiwai hakikat sebagai orang Islam yang sebenar. Jika undang-undang Islam diadakan tanpa penghayatan nilai-nilai murni maka ini akan membentuk orang-orang Islam yang secara zahir atau fizikalnya sahaja.

### Kesimpulan

TDM amat kritikal terhadap pentafsiran yang salah tentang ajaran Islam oleh pihak-pihak tertentu yang akhirnya menyebabkan kemunduran terhadap umat Islam sebagaimana yang dapat kita lihat pada hari ini. TDM menyatakan bahawa umat Islam menyibukkan diri dengan perdebatan yang berpanjangan yang akhirnya tidak berupaya mencapai kata sepakat sedangkan negara umat Islam adalah mundur dan terus mengharap pertolongan daripada negara-negara bukan Islam dalam hampir semua bidang.

Di dalam makalah berjudul "Adat dan Islam" yang ditulis oleh TDM pada tahun 1962, TDM telah menghuraikan integrasi Islam dan adat Melayu adalah satu hakikat. TDM mendefinisikan adat sebagai adat resam orang Melayu. Kewujudan adat resam orang Melayu seperti bersanding dalam perkahwinan orang Melayu menunjukkan kuatnya pegangan orang Melayu dengan adat mereka<sup>8</sup>.

TDM menyatakan lagi bahawa Islam mempunyai pengaruh yang besar terhadap orang Melayu dan agama Islam menjadi benteng yang kukuh bagi orang Melayu tetapi apa yang jauh lebih penting ialah tafsiran kita terhadap agama Islam itu sendiri.

"Islam merupakan pengaruh terbesar tunggal yang paling besar terhadap konsep-konsep nilai dan tata susila Melayu. Bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa bukanlah agama yang berpengaruh melainkan tafsiran tentang ajaran-ajaran Islamlah yang kuat pengaruhnya. Tafsiran agama berbeza-beza bukan sahaja mengikut individu malah juga mengikut usia dan masa, bahkan juga negara."<sup>9</sup>

TDM menegaskan bahawa Islam mempunyai pengaruh terhadap konsep nilai orang Melayu. Tetapi sekiranya nilai itu buruk, ia bukanlah kerana ajaran Islam tetapi sebahagian besarnya kerana tafsiran semasa penganut yang beragama Islam telah menyebabkan berlakunya pengaruh buruk ini. Tiga puluh tahun kemudiannya setelah TDM menjadi Perdana Menteri, TDM sering melontarkan idea-idea ini di dalam ucapan beliau. Bagi merealisasikan harapan ini TDM telah menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang mana peranan utamanya ialah memberi kefahaman Islam yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. TDM dalam ucapannya<sup>10</sup> TDM menjelaskan tujuan menubuhkan Institut Kefahaman Islam Malaysia adalah kerana terdapat banyak kekeliruan di kalangan orang Islam dan bukan Islam mengenai agama Islam sehingga berlaku salah faham dan sengketa antara mereka. Matlamat utama penubuhan IKIM ialah

- i. Memperbetulkan imej Islam yang sering digambarkan sebagai gema yang cenderung kepada keganasan dan kemusnahan
- ii. Memperkenalkan Islam sebagai agama yang menggalakkan konsep kebenaran, toleransi serta kaya dengan nilai-nilai yang sejagat
- iii. Memupuk sebuah masyarakat yang harmonis yang mana orang-orang Islam dan bukan Islam dapat bersama-sama dalam keamanan dan kemakmuran.
- iv. Menjadi pencetus kepada kebangkitan semula zaman kecemerlangan umat Islam dengan melakukan penyelidikan secara jujur tentang sejarah dan tamadun Islam.

Untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam, kajian-kajian mesti dibuat mengenai agama Islam, sejarah dan tamadun Islam dan asas- asas pencapaian umat Islam di zaman dahulu. Kajian yang hendak dibuat mestilah ikhlas dan tidak dipengaruhi oleh sentimen dan "bias" yang terdapat di kalangan umat Islam sekarang.

<sup>6</sup> Hng Hung Yong. Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia, Kuala Lumpur. Utusan Publication. hal. 63.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Mahathir Mohamad. 1994. The Early Years, Kuala Lumpur: Berita Publishing. hal. 103.

<sup>9</sup> Ibid. hal. 184.

<sup>10</sup> Ucapan pelancaran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan perasmian Kongress Menjelang Abad 21 pada 3 Julai 1992 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Oleh itu, TDM berharap IKIM akan memainkan peranan dalam usaha memulih semula keagungan Islam, umat Islam dan negara Islam. Untuk tujuan ini tafsiran-tafsiran yang berbeza-beza dan mengeliru serta melemahkan orang Islam perlu dikaji semula dengan teliti supaya dapat diperbetulkan. Sejarah Islam juga perlu didalami supaya kita akan mendapat iktibar daripadanya.

Para ilmuan yang akan menyelidik bidang-bidang tertentu di IKIM perlu mempunyai fikiran yang terbuka dan berani menyoal pandangan-pandangan yang orthodox. Apa yang mesti diutamakan ialah kebenaran dan ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran yang di tafsir dan direka oleh mereka yang datang kemudian tidak boleh dianggap sebagai setaraf dengan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. dan dengan itu boleh diulas dan diselidik serta digugurkan jika didapati bercanggah dengan Al-Quran dan ajaran Nabi Besar kita. Usaha ke arah ini tidaklah mudah. Tentangan hebat akan datang daripada mereka yang benar-benar percaya bahawa apa yang mereka percaya dan yang mereka ajar adalah benar dan tidak boleh disoal. Sebarang keraguan terhadap apa yang dipercayai oleh mereka akan dianggap oleh mereka sebagai bertentangan dengan akidah.

Dengan peredaran zaman banyak lagi perubahan pendapat yang mesti dilakukan. Tafsiran-tafsiran yang lama mungkin didapati tidak lagi sesuai dengan kenyataan. Banyak lagi perkara dan kebolehan yang sekarang dianggap ajaib dan mustahil akan menjadi kenyataan umum dan biasa. Tetapi agama Islam terus relevan dan tepat. Yang salah bukannya agama tetapi pentafsir agama.

Oleh itu, IKIM tidak harus bimbang akan tentangan terhadap kebenaran yang akan mereka temui dalam penyelidikan mereka mengenai agama Islam dan amalan-amalan serta kepercayaan-kepercayaan umat Islam sekarang. Asalkan tidak ada niat yang lain daripada mencari kebenaran demi memajukan agama, umat, dan negara Islam, agama Islam tidak akan tercemar dengan kajian-kajian yang dibuat.

### **Rujukan**

1. Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2011. Pembangunan Islam di Malaysia Era Mahathir. Penerbit USIM. Bandar Baru Nilai.
2. Mahathir Mohamad. 1976. Menghadapi Cabaran. Pustaka Antara. Kuala Lumpur
3. Mahathir Mohamad. 2006. Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad. Perdana Menteri Malaysia. Jilid 7. Darul Fikir. Kuala Lumpur.

Nor Azaruddin Husni bin Hj Nuruddin  
Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)  
Email: azaruddin@ikim.gov.my